

KAMAR HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR

Bil.Kami: (6)dlm.JK/MA 248
Jld.III

Tarikh : 10 Februari 1995

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

Y.A. Dato', Datuk, Datuk Wira, Tuan/Puan,

PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA 1/95

PER: Meninggalkan Negeri Tempat Ditugaskan
Semasa Cuti Hujung Minggu dan Cuti Am

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah didapati bahawa terdapat Yang Arif Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman meninggalkan daerah atau negeri tempat bertugas tanpa meninggalkan apa-apa pesanan. Ini telah menimbulkan masalah untuk dihubungi jika berlaku apa-apa kecemasan terutama sekali di tempat-tempat di mana hanya ada seorang Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman ditugaskan.

3. Sehubungan itu Yang Arif Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman yang hendak keluar meninggalkan daerah atau negeri tempat bertugas, sama ada atas urusan rasmi atau tidak, hendaklah memberitahu Setiausaha Hakim atau Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar di mana dan bagaimana Yang Arif boleh dihubungi sekiranya diperlukan.

4. Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian.



(DATO' HJ. ANUAR BIN DATO' HJ. ZAINAL ABIDIN)
Hakim Besar Malaya,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

2

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak,
Mahkamah Tinggi,
93506 Kuching.

Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

Y. Bhg. Ketua Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.



Pustakawan,
Mahkamah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

AA/fz.
A:PEKH